

Career Expo UPM bantu pelajar cari pekerjaan

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my

CAREER Expo 2012 UPM mencapai matlamatnya apabila berjaya membantu bakal graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian.

Ekspo yang diadakan baru-baru ini di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM itu menarik kunjungan lebih 4,000 bakal graduan dan graduan untuk merebut 300 peluang pekerjaan daripada 50 syarikat dan agensi yang menyertai pameran.

Pengarah Pusat Penempatan Kerjaya (CPC) UPM, Dr. Che An Abdul Ghani berkata, ekspo itu merupakan inisiatif UPM memberi pendedahan maklumat



CHE AN
ABDUL GHANI

kerjaya melibatkan pelbagai sektor dan kumpulan sasaran.

“Para graduan perlu mengukuhkan cara pemikiran dengan menunjukkan keyakinan diri yang tinggi serta membina kriteria diri yang positif.

“Majikan masa kini sangat mengambil kira kemahiran generik yang dimiliki oleh graduan semasa proses temuduga. Oleh itu, graduan perlu memiliki kemahiran insaniah, pengetahuan, kebolehan dan sikap positif bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran kerja.

“Komunikasi yang baik termasuk penguasaan pelbagai bahasa memberikan kelebihan kepada graduan mendapatkan sesuatu pekerjaan,” katanya.

Dr. Che An berkata, ekspo itu turut mengadakan klinik resume kendalian Jabatan Tenaga Kerja dan sesi temuduga bersemuka

yang membolehkan bakal graduan bertanya sendiri kepada syarikat keperluan persiapan bekerja.

Ekspo kali kedua penganjuran itu



SEBAHAGIAN daripada pelajar UPM diberi penerangan mengenai hala tuju kerjaya sempena Career Expo 2012 UPM.

bertujuan meningkatkan kebolehdapatan dan kebolehpasaran graduan UPM dan mensasarkan sekurang-kurangnya 75% pelajar tahun akhir mengikuti program itu.

Selain itu, Career Expo 2012 bertujuan

meningkatkan bilangan syarikat, agensi alumni, organisasi yang mengambil dan mememuduga graduan serta meluaskan jaringan kerjasama antara pihak industri dengan UPM.